

TEKS HALAMAN 143 :
PENILAIAN 4: KEMAHIRAN MENULIS

SP: 3.6.2 Menulis untuk menyampaikan maklumat dalam bentuk karangan berformat dengan menggunakan bahasa yang santun.

diharapkan dapat memberikan udara segar	dianjurkan oleh Kelab Alam Sekitar
kami kepada beberapa kumpulan kecil	membersihkan kawasan kolam ikan
di kantin sekolah untuk menikmati jamuan ringan.	Kami mula menanam pokok bunga
mengadakan program Projek Tanaman Hijau	disertai oleh murid-murid tahun enam

Projek Tanaman Hijau

Pada 18 Ogos , murid Tahun Enam Sekolah Sekolah Kebangsaan Nusantara telah _____ di sekitar kawasan sekolah. Program itu _____ bertujuan untuk menghijaukan kawasan sekolah bersempena dengan Minggu Alam Sekitar.

Program itu _____. Bermula pukul 8.00 pagi, kami telah berkumpul di kantin sekolah. Kami mendengar taklimat yang disampaikan oleh guru pembimbing Kelab Alam Sekitar iaitu Cikgu Zubaidah. Cikgu Zubaidah mengagihkan _____ untuk menyempurnakan projek hijau tersebut.

Kumpulan Enam Acrux ditugaskan menanam pokok di kawasan lapang berhampiran kantin sekolah. _____ di kawasan yang telahpun dikhaskan secara bergotong-royong. Kawasan itu dipenuhi dengan pokok-pokok hijau yang tersusun indah.

Kelas Enam Ankaa pula ditugaskan untuk _____ yang sudah berlumut. Mereka memastikan kolam itu benar-benar bersih supaya tiada pembiakan nyamuk Aedes. Setelah kolam dibersihkan, mereka memasukkan air yang baru dan melepaskan anak ikan di dalamnya.

Menjelang tengah hari, akhirnya aktiviti tanaman hijau berjaya disiapkan. Selain landskap yang indah, program tersebut _____ kepada murid-murid di sekolah. Selepas itu, semua peserta program tersebut berkumpul semula _____.

Pada pukul 1.00 tengah hari akhirnya kami pulang ke rumah masing-masing. Kami berharap program tersebut memberikan manfaat kepada semua murid di sekolah ini.

Laporan disediakan oleh,

22 OGOS 2020

(ALIA BINTI ABDULLAH)
Setiausaha Kelab Alam Sekitar
SK Nusantara.